



**KENYATAAN MEDIA**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI PAHANG**

**AGIHAN BANTUAN WANG IHSAN (BWI)**

1. Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM1,000 dan Kerajaan Negeri turut mengumumkan BWI sebanyak RM500 bagi mangsa-mangsa yang telah berpindah ke Pusat Perpindahan Sementara (PPS) dan mangsa yang telah terjejas banjir.
2. Peruntukan ini disalurkan oleh pihak NADMA kepada Kerajaan Negeri dan pembayaran dibuat oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).
3. Sehingga 10 Januari 2022, sebanyak 19,053 ketua isi rumah (KIR) yang berpindah ke PPS telah dikenalpasti bagi gelombang satu dan gelombang kedua bagi Monsun Timur Laut 2021/2022 dan PDT telah mengagihkan peruntukan sebanyak RM 26,250,000.00 yang meliputi 17,310 KIR.
4. Baki sebanyak 1,743 KIR akan dibuat pembayaran selewat-lewatnya pada 14 Januari 2022. Memandangkan proses pembayaran masih berjalan, mangsa-mangsa yang berpindah ke PPS dan masih belum menerima BWI selepas tarikh ini, boleh menghubungi PDT berhampiran.
5. Bagi mangsa yang tidak berpindah ke PPS, pihak PDT sedang mengemaskini maklumat tersebut dan akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada 17 Januari 2022. Walaupun tarikh akhir pendaftaran telah berakhir pada 7 Januari 2022, memandangkan masih terdapat mangsa yang masih belum mendaftar, Kerajaan Negeri bersetuju untuk melanjutkan tempoh pendaftaran.
6. Bagi tujuan tersebut, tarikh akhir penerimaan borang mangsa tidak berpindah kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah pada 17 Januari 2022.
7. Dijangkakan pembayaran pertama untuk mangsa yang tidak berpindah ke PPS boleh dibuat bermula 24 Januari 2022.

Sekian, terima kasih.

**DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK**

**YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**MERANGKAP**

**PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI PAHANG**

**11 Januari 2022**